

06 APR 2002

Muhyiddin-Sindrom

PEMUDA UMNO DIINGATKAN JANGAN TERPERANGKAP DENGAN "SINDROM SELESA"

JITRA, 6 April (Bernama) -- Pemuda Umno diingatkan supaya tidak terperangkap dengan "Sindrom Selesa" walaupun keadaan politik, ekonomi dan perpaduan di negara ini kini bertambah baik serta sokongan kepada parti semakin meningkat.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berkata walaupun kesemua aspek itu secara umumnya dilihat baik untuk sesetengah Pemuda Umno untuk merasa cukup selesa tetapi ia tidak bermakna sudah mencapai tahap terbaik.

"Pemuda Umno mesti tambahkan usaha secara berterusan, tingkatkan program dan agenda supaya kekuatan diperhebatkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kubang Pasu di sini.

Mesyuarat itu dihadiri tiga perwakilan dari setiap cawangan yang melibatkan 76 cawangan di seluruh bahagian Kubang Pasu.

Katanya mengikut sejarah, situasi begitu ada turun dan naiknya mengikut gelombang tertentu dan ia mesti dijadikan panduan untuk Pemuda Umno supaya yang kukuh diperkukuhkan lagi serta yang kuat diperkuatkan lagi.

"Ini bukan sahaja penting untuk parti dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang bahkan ia juga berperanan untuk memastikan Umno relevan sepanjang masa," katanya.

Mengulas nasihat Perdana Menteri selaku Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Langkawi semalam yang mahukan generasi muda tidak berebut jawatan ketika generasi tua mengundurkan diri, Muhyiddin berkata ia harus diterima secara terbuka.

"Proses peningkatan dan peralihan dalam kepimpinan mesti dibuat secara berperingkat, tertib dan teratur. Ini tidak akan menjejaskan keutuhan parti dan perpaduan Melayu," kata Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Beliau berkata generasi muda mesti mempelajari, memahami dan meningkatkan kemahiran berpolitik bagi menjadi pemimpin yang baik.

Muhyiddin berkata persefahaman dalam Umno amat mustahak bagi memastikan perebutan jawatan tidak menjadi sasaran utama walaupun ianya penting.

-- BERNAMA

MAN WNZ RHM